

PENILAIAN SUMATIF KALI KEDUA 2017

Mata pelajaran : Bahasa Malaysia

Masa : 1 jam 15 minit

Tarikh : 3 / 5 / 2016

Tandatangan ibu bapa : \_\_\_\_\_

Nama murid : \_\_\_\_\_

( ) Kelas : 4 ( )

Markah : \_\_\_\_\_ %

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.

**Bahagian A**  
**(20 markah)**

1. Ivan Tan berjaya mendapat tempat \_\_\_\_\_ dalam pertandingan mewarna itu.  
A dua                      B berdua                      C kedua                      D kedua-dua

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



2. Anggota Bulan Sabit Merah \_\_\_\_\_ pemain bola yang cedera itu.  
A mengangkat                      B memapah                      C mengeret                      D mendukung
3. Sze Jing menggemari buah-buahan tempatan kecuali buah \_\_\_\_\_.  
A epal                      B kiwi                      C longan                      D ciku
4. Kita harus \_\_\_\_\_ orang yang lebih tua daripada kita.  
A melahirkan                      B menghadahi                      C menghormati                      D mengucapkan


Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5. Jason Ang sukar untuk memegang belut itu kerana kulitnya terlalu \_\_\_\_\_.  
A kesat                      B licin                      C tajam                      D kasar
6. Tukang kayu itu menggergaji papan di atas \_\_\_\_\_.  
A jejari                      B sesiku                      C kekuda                      D langit
7. Saya dan keluarga akan hadir ke majlis \_\_\_\_\_ sepupu saya.  
A pertandingan                      B persekolahan                      C perbualan                      D pernikahan
8. Harga majalah yang kamu beli itu \_\_\_\_\_.  
A mana                      B siapa                      C bila                      D berapa
9. Mei Theng cuba \_\_\_\_\_ harga baju yang ingin dibelinya dengan penjual baju itu.  
A tolak-menolak                      B tegur-menegur                      C tawar-menawar                      D hormat-menghormati
10. " \_\_\_\_\_ akan menyiasat kejadian yang berlaku di sana," titah Sultan Alam Shah.  
A Saya                      B Beta                      C Tuanku                      D Patik
11. Doktor Shi Ling berkursus di luar negara untuk menambahkan \_\_\_\_\_ nya dalam bidang perubatan.  
A kebaikan                      B ketabahan                      C kepakaran                      D keasyikan
12. Saya terpegun mendengar burung-burung itu \_\_\_\_\_ dengan merdu sekali.  
A berkokok                      B berbunyi                      C berkicau                      D bernyanyi

BM(K)T4 M.S 1/6

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah



13. \_\_\_\_\_, besarnya rumah baharu kamu Thanusri!  
A Cis                      B Eh                      C Wah                      D Tahniah
14. "Sebagai murid, \_\_\_\_\_ hendaklah belajar dengan bersungguh-sungguh," kata Cikgu Yutish.  
A kita                      B kami                      C kamu                      D dia

Pilih kata **berlawanan** bagi kata yang **bergaris**.

15. Kapal dagang itu berlayar ke Sabah dan Sarawak dua hari.  
A berlabuh                      B mendarat                      C berhenti                      D bergerak

Pilih ayat yang **betul**

16. A Cis, malang sungguh nasib mangsa ragut itu!  
B Aduhai, sakit kaki saya kerana terpaksa berdiri lama di dalam bas itu tadi!  
C Takziah, cepatnya awak dapat menyiapkan latihan Matematik itu!  
D Nah, ambillah duit ini untuk membeli buku rujukan itu!

**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan dibawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya,

Telah lima tahun Bariah menumpang kasih di rumah Pak Cik Khilfi yang tidak punyai zuriat itu. Di rumah ini, Bariah dilayan seperti anak sendiri. Keadaan inilah menyebabkan Bariah berasa begitu bahagia.

Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, keresahan sering menjangkit hati Bariah. Apatah lagi, Pak Cik Khilfi menyatakan bahawa Akid dan Asyikin telah diserahkan ke rumah kebajikan masyarakat. Bariah memang kecewa tetapi apalah dayanya hendak melawan takdir.

Dahulu Akid dan Asyikin bersama Nenek Halina. Akan tetapi, Nenek Halina sering uzur. Mujurlah ada Mumtaz, satu-satunya adik Bariah yang masih bersama Nenek Halina.

Rupa-rupanya, kepiluan yang terpendam di hati Bariah dapat dirasai oleh Pak Cik Khilfi. Dalam diam-diam, dia membawa Nenek Halina dan Mumtaz ke rumahnya.

Bariah bagaikan tidak percaya impiannya menjadi kenyataan. Mereka berpelukan dan hanya air mata yang berguguran melepaskan rasa rindu

17. Apakah hubungan Bariah dengan Pak Cik Khilfi?  
A Anak kandung                      B Anak angkat                      C Anak tiri                      D Anak sendiri
18. Berapa orangkah adik-beradik Bariah?  
A Seorang                      B Dua orang                      C Tiga orang                      D Empat orang
19. Bariah berasa resah kerana sebab-sebab berikut kecuali teringat akan  
A Akid                      C ibu bapanya  
B Nenek Halina                      D Asyikin dan Mumtaz
20. Sekarang, Akid dan Asyikin berada di rumah  
A orang lain                      C Nenek Halina  
B Pak Cik Khilfi                      D kebajikan masyarakat

BM(K)T4 M.S 2/6

Bahagian B  
(30 markah)

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

terletak	menjual	mencuri	membeli
pengunjung	menukar	serabut	
diletak	bertukar	ditukar	terbeli

Pada malam Ahad, saya dan keluarga ke pasar malam. Pasar malam itu \_\_\_\_\_ berhampiran dengan rumah saya.

Semasa tiba, para peniaga sudah bersedia dengan jualan mereka. Ketika itu, \_\_\_\_\_ tidak begitu banyak. Keadaan agak terkawal. Jadi, dapatlah kami \_\_\_\_\_ barangan dengan mudah tanpa perlu berasak-asak.

Namun begitu, dalam sekelip masa sahaja suasana di pasar malam itu \_\_\_\_\_ rancak. Para pengunjung mulai bertali arus menyusuri laluan. Kami sekeluarga pun pulang ke rumah setelah membeli barang yang dikehendaki.

(4 markah)

Soalan 22

a) Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **kata ganti nama diri yang betul**

- "Ampunkan kesalahan patik, \_\_\_\_\_," kata Hang Jabat kepada Sultan Abdullah.
- Jun Jie dan Yip Fu berkawan baik. \_\_\_\_\_ juga tinggal di kawasan perumahan yang sama.
- "\_\_\_\_\_ hendak pergi ke mana?" tanya Encik Ericson kepada anaknya.
- Ming Tat tidak berniaga pada hari ini kerana \_\_\_\_\_ demam.
- "\_\_\_\_\_ akan berangkat ke London esok untuk beristirahat," titah Sultan Johor.

(5 markah)

b) Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan **kata adjektif yang sesuai**.

kemek		kelat	
	benci		purba
pccah		manis	
	mendung		sayang
cerah		moden	

- Pisang muda itu sangat \_\_\_\_\_ rasanya.
- Saya amat \_\_\_\_\_ akan orang yang suka berpura-pura
- Masyarakat pada zaman \_\_\_\_\_ tinggal di dalam gua
- Langit kelihatan \_\_\_\_\_ menandakan bahawa hujan akan turun

(4 markah)

BM (K) T4 M.S 3/6

Soalan 23

a. Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan

Ayat tanya:

---

---

Jawapan: Gunung Kinabalu adalah gunung yang tertinggi di Malaysia.

(2 markah)

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah



Aina, tolong hiriskan bawang itu nipis-nipis.

I. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



(2markah)

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan bandingan semacam yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

(2 markah)

BM (K) M.S 4/6

Soalan 24

Baca petikan dibawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

LAPORAN SUKAN TAHUNAN  
SJK (C) KHE BENG

Pada 6 Mac yang lalu, SJK (C) Khe Beng telah mengadakan acara sukan tahunan sekolah. Tujuan utama sukan tahunan diadakan adalah untuk mencungkil bakat dan memilih wakil sekolah.

Temasya ini dirasmikan oleh Penyelia Sekolah Cina Pejabat Pelajaran Daerah Klang, Encik Yee Phuk Fung. Turut hadir ialah ibu bapa dan tetamu jemputan.

Banyak acara yang dipertandingkan. Antaranya ialah lumba lari 100 meter, 200 meter, 400 meter dan lari berganti-ganti. Acara lompat tinggi dan lompat jauh juga dipertandingkan. Guru Besar telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Sukan pada tahun ini sungguh meriah. Pada akhir temasya, Rumah Hitam muncul sebagai juara.

Dilaporkan oleh,

10 Mac 2017

*Tan You Wen*

(TAN YOU WEN)  
Setiasaha Sukan,  
SJK (C) Khe Beng

a) Bilakah sukan tahunan SJK (C) Khe Beng diadakan?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
( 1 markah)

b) Pemenang dalam sukan tahunan ini akan mewakili sekolah ke peringkat

\_\_\_\_\_  
( 1 markah)

c) Apakah tujuan sukan tahunan diadakan?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
( 2 markah)

d) Mengapakah Rumah Hitam diumumkan sebagai juara pada kejohanan sukan kali ini?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
( 2 markah)

BM (K) T4 M.S 5/6

Soalan 25

Baca petikan dibawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Menara Telekom yang terletak di Lembah Pantai, Kuala Lumpur merupakan salah satu bangunan tertinggi di Kuala Lumpur. Ketinggiannya ialah 310 meter merangkumi 55 tingkat bangunan. Menara Telekom siap dibina pada tahun 2001.

Menara Telekom telah dibina oleh Syarikat Hijjas Kasturi Associates yang ditubuhkan pada tahun 1977 oleh Hijjas Kasturi, iaitu arkitek yang terkenal di Malaysia. Kepakaran syarikat tersebut dalam bidang pembinaan dan kejuruteraan reka bentuk bangunan memang tidak dapat disangkal lagi. Apatah lagi pernah memenangi banyak anugerah dan pengiktirafan di dalam mahupun di luar negara.

Reka bentuk Menara Telekom mengambil ilham daripada pucuk rebung yang merupakan antara makanan popular masyarakat Melayu di desa. Ciptaan unik dan menarik ini telah mendapat perhatian daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sehingga menggelarkan menara ini sebagai "Bangunan Pintar Enam Bintang"

a. Menara Telekom telah dibina oleh

(1 markah)

b. Apakah gelaran yang diberikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada Menara Telekom?

(2markah)

c. Padankan pernyataan dibawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Ketinggian Menara Kuala Telekom ialah 310 meter.

Menara Telekom dibina oleh Syarikat Haijas Kasturi Associates.

Menara Telekom dibina pada tahun 2001

Menara Telekom terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Betul

Salah

(2markah)

Disediakan oleh

Disemak oleh

BM(K)T4M.S 6/6

**JAWAPAN**

Bahagian A

- |       |       |
|-------|-------|
| 1. C  | 11. C |
| 2. B  | 12. C |
| 3. D  | 13. C |
| 4. C  | 14. C |
| 5. B  | 15. A |
| 6. C  | 16. D |
| 7. D  | 17. B |
| 8. D  | 18. D |
| 9. C  | 19. C |
| 10. B | 20. D |

Bahagian B

Soalan 21

diletak

pengunjung

membeli

bertukar

Soalan 22

- a) i) tuanku  
ii) Mereka  
iii) Kamu  
iv) dia  
v) Beta
- b) i) kelat  
ii) benci  
iii) purba  
iv) mendung

Soalan 23

- a) Gunung Kinabalu adalah gunung yang tertinggi di mana?  
b) Baiklah, ibu. Saya akan hiriskan bawang itu nipis-nipis.  
c) Bandingan semacam yang sesuai berdasarkan gambar di atas ialah garang seperti singa.


Soalan 24

- a) Sukan tahunan SJK (C) Khe Beng diadakan pada 6 Mac.  
b) daerah.

- c) Tujuan sukan tahunan diadakan adalah untuk mencungkil bakat dan memilih wakil sekolah.
- d) Rumah Hitam diumumkan sebagai juara pada kejoharan sukan kali ini kerana memperoleh mata yang tertinggi.

Soalan 25

- a) Syarikat Hijjas Kasturi Associates yang ditubuhkan pada tahun 1977 oleh Hijjas Kasturi.
- b) Gelaran yang diberikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada Menara Telekom ialah "Bangunan Pintar Enam Bintang".
- c)



《小作家课程》教你实用的写作技巧, 让你轻松面对考试!

**只需一次付费, 即可使用长达三年! 而且内容会持续更新, 不另加收费!**

点击这里购买完整版: <https://30.com.my/bc2>

或者免费注册体验版: <https://class.30.com.my/courses/bc2-trial>

